

**BN Selangor Harus Ambil Kesempatan Selesai Isu Rakyat - Pemerhati Politik  
Bernama  
August 5, 2014**

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Selangor harus mengambil kesempatan untuk membuktikan kemampuannya menyelesaikan isu rakyat ketika kerajaan Selangor berdepan krisis membabitkan Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, kata seorang pemerhati politik.

Zakhir Mohamed berkata sekarang adalah masa paling sesuai untuk pimpinan BN negeri memainkan peranan sebagai pembangkang yang konstruktif dengan meletakkan keselesaan dan kepentingan rakyat negeri itu sebagai keutamaan.

"Kemelut politik dalaman PKR secara tidak langsung menjejaskan pentadbiran Selangor, yang akan turut dirasai rakyatnya ketika mereka mahu pemimpin yang dipilih menjaga kebajikan rakyat seperti menangani krisis air.

"Ketika inilah pemimpin BN harus memainkan peranan itu (menyelesaikan masalah rakyat) daripada terperangkap menjadi 'nasi tambah' untuk keruhkan keadaan," katanya kepada Bernama selepas menjadi tetamu khas program Ruang Bicara terbitan Bernama TV yang membincang 'Implikasi MB Selangor Kepada Rakyat' di Wisma Bernama di sini, malam ini.

Turut menjadi panel dalam rancangan yang dikendalikan Dahlan Maamor itu ialah Pengerusi Biro Profesional Pemuda Umno Shahril Sufian Hamdan.

Zakhir, yang juga Bendahari Blog House Malaysia, berkata situasi itu juga perlu digunakan BN dengan sebaik-baiknya untuk membuat persiapan bagi menawan kembali negeri Selangor apabila menjelang Pilihanraya Umum ke-14.

Terdahulu, dalam program berkenaan, Zakhir menyifatkan agenda PKR untuk menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai Menteri Besar Selangor sebagai tidak lebih daripada 'drama' yang digarap Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mencapai matlamatnya menguasai pentadbiran negeri melalui isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang dicalonkan mengisi jawatan itu.

Dalam pada itu, Shahril Sufian berkata isu siapa menjadi menteri besar bukan lagi tumpuan utama rakyat Selangor sebaliknya mereka mahu pemimpin yang dapat menyelesaikan pelbagai isu membabitkan kebajikan mereka.

"Isu denggi, masalah air dan kebersihan setempat merupakan masalah utama yang sedang dihadapi rakyat Selangor ketika ini. Sehingga kini Pakatan Rakyat masih tidak dapat menyelesaikannya sebaliknya bertumpu kepada menyelesaikan kemelut dalaman mereka," katanya.

Baru-baru ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Majlis Pimpinan Pakatan Rakyat yang bermesyuarat pada 20 Julai lepas menerima cadangan untuk menggantikan Abdul Khalid dan mencalonkan Dr Wan Azizah yang juga Presiden PKR mengisi jawatan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058154>